

NOTIFIKASI KEPADA SEMUA STAF PICOMS

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua staf PICOMS. Di harapkan agar semuanya berada di dalam keadaan sihat sejahtera dan mematuhi segala arahan **Perintah Kawalan Pergerakan** ini.

Untuk makluman, pihak kerajaan telah mewartakan Peraturan yang dikenali sebagai **Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No.2) 2020 (P.U. (A) 109)** (selepas ini dirujuk sebagai **Peraturan ini**). **Peraturan ini** dibuat berdasarkan kepada Seksyen 11 (2) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) yang memberi kuasa kepada Menteri yang berkaitan untuk mengeluarkan **Peraturan ini**.

Kuatkuasa Peraturan ini: bermula dari 01/04/2020 hingga 14/04/2020

Berdasarkan kepada **Peraturan ini**, pergerakan hanya boleh dibuat bagi maksud:

- (a) Untuk membeli makanan, keperluan harian, ubat atau penokok diet;
- (b) Untuk membekalkan atau menghantar makanan, keperluan harian atau penokok diet;
- (c) Untuk mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan atau diet;
- (d) Untuk melaksanakan apa-apa tugas rasmi;
- (e) Untuk melaksanakan apa-apa tugas berhubung dengan apa-apa perkhidmatan perlu.

PERHATIAN: Para (a) - (e) tidak terpakai jika sekiranya seseorang itu "diasingkan, diperhatikan atau diawasi selama tempoh yg ditetapkan mengikut hal keadaan" - seksyen 11(3)(b) Akta 342.



Syarat-syarat bagi pergerakan:

- (a) Untuk membeli makanan, keperluan harian. Penokok diet - tidak melebihi radius 10km dari rumah kediaman dan hanya seorang sahaja yang boleh pergi;
- (b) Untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan atau perubatan - sama seperti di atas cuma boleh ditemani oleh mana-mana orang lain yang munasabahnya perlu;
- (c) Untuk melaksanakan tugas rasmi - **perlu ada surat kebenaran majikan;**
- (d) Untuk melaksanakan tugas berhubung dengan keperluan perlu - sama seperti di (c).

Nota: Bagi pengendali makanan hanya dibenarkan membuat perkhidmatan pandu lalu, bawa pulang atau penghantaran tetapi tertakluk kepada apa-apa arahan dari Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

KEBENARAN KHAS: Namun jika perlu keluar selain daripada perkara yang dinyatakan di atas - perlukan dapatkan kebenaran daripada OCPD (Officer In-Charge of the Police District) dari balai polis yang berdekatan dengan rumah kediaman.

LARANGAN BERHIMPUN:Selanjutnya, larangan berhimpun samada bagi maksud keagamaan, sukan, rekreasi, sosial atau kebudayaan.

Pengecualian – untuk urusan pengembumian tetapi dengan jumlah yang minimum.

Bagi maksud kerja-kerja yang berkaitan dengan infra - juga di benarkan (TIDAK TERPAKAI KEPADA PICOMS)

HUKUMAN: Jika gagal mematuhi kepada arahan pergerakan ini - jika disabitkan oleh mahkamah - denda RM1,000.00 atau penjara tidak lebih 6 bulan atau kedua-duanya.



Jika melibatkan organisasi – pegawai-pegawai yang terlibat termasuklah pengurusan tertinggi boleh juga didakwa secara bersama ataupun berasingan.

Untuk makluman: pembuktian kesalahan itu hanya perlu dibuktikan perbuatan tanpa perlu dibuktikan akan niatnya untuk melakukan kesalahan. Oleh itu adalah dinasihatkan agar semua staf PICOMS mengambil makluman akan NOTIFIKASI ini dan alasan tidak mengetahui akan wujudnya undang-undang sedemikian tidak akan diterima oleh Mahkamah (*ignorance of law is not an excuse*)

PERHATIAN: Jika sekiranya ada di antara staf PICOMS yang disabitkan dengan kesalahan di atas, maka pihak PICOMS juga akan mengambil tindakan tata-tertib terhadap anda semua.

#STAYHOME

#STAYSAFE

Daripada: **HAZLAN BIN ABD. HAMID**

Penasihat Undang-Undang/Pegawai Integriti

PICOMS

Bertarikh: **02/04/2020**

